

# Kempen derma organ

## 30 kakitangan NKF, 16 kereta antik berkonvoi jayakan program bantu pesakit buah pinggang

>>Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

SEREMBAN: Seramai 30 peserta dari kalangan kakitangan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) dan 16 kereta antik dari Kelab Kereta Volkswagen Beetle (VBCC) menjayakan kempen pendermaan organ bagi membantu pesakit buah pinggang di Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS), di sini, baru-baru ini.

Selain berkonvoi sejauh kira-kira dua kilometer antara HTJS ke Seremban Parade di sini, peserta turut mengedarkan risalah mengenai keperluan pendermaan organ kepada orang ramai.

Eksekutif Perhubungan NKF, Yew Ve Vian berkata, pembabitan VBCC dalam program itu buat julung kalinya adalah satu kelainan bagi menarik perhatian lebih ramai pengunjung menyertai aktiviti sambutan berkenaan.

Menurut beliau, setiap Mac, NKF mengadakan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia dengan matlamat melahirkan kesedaran kepada orang ramai untuk membabitkan diri dalam aktiviti pendermaan organ.

"NKF sudah mengadakan sambutan ini selama tujuh tahun berturut-turut dan kali ini memberikan sedikit kelainan membabitkan aktiviti berkonvoi kereta antik bagi menarik perhatian pengunjung.

"Kita berharap ia dapat menarik orang ramai datang bukan saja menyaksikan pelbagai aktiviti diadakan, tetapi lebih penting untuk membantu dan menyelamatkan pesakit," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis perasmian sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2012 peringkat Negeri Sembilan dan pelepasan peserta konvoi oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Ismail Taib.



**BERBAKTI...** Ismail (tengah) diiringi Dr Zailan (tiga dari kiri) dan Dr Jaafar beramah mesra dengan peserta konvoi.

Hadir sama Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Zailan Adnan; Pengarah HTJS, Dr Jaafar Che Mat dan Ketua

Jabatan Nefrologi HTJS, Datuk Dr Wan Shaariah Md Yusuf.

Kata Yew, sambutan dibe-

rikan pada kempen kali ini amat memberangsangkan apabila 1,000 pengunjung membanjiri kompleks be-

li-belah Seremban Parade yang turut disediakan pemeriksaan kesihatan percuma.

Sementara itu, Ismail berkata, kempen NKF penting dalam usaha meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat terhadap usaha mencegah serta mengawal penyakit buah pinggang yang kebiasaannya berpunca daripada penyakit diabetes dan tekanan darah tinggi.

Menurutnya, orang ramai perlu mengamalkan cara hidup sihat terutama aspek pemakanan dan melakukan aktiviti fizikal yang mencukupi kerana ia penting dalam mencegah serta mengawal penyakit berkenaan.

"Syabas diucapkan kepada NKF dan badan bukan kerajaan (NGO) lain kerana melalui kerjasama menjayakan program seperti ini akan menjadi pemangkin kepada usaha memerangi penyakit buah pinggang yang menjadi antara pembunuh utama di negara ini," katanya.